

TEKS UCAPAN

Y.BHG. PROF. DATUK WIRA DR. RAHA ABDUL RAHIM

NAIB CANSELOR UTeM

**PELANCARAN BUKU KUMPULAN PUISI MERENTAS GEMPITA: PANDEMIK 2020
7 JULAI 2020,8.30 PAGI
PERPUSTAKAAN LAMAN HIKMAH**

Terima kasih Saudari Pengacara Majlis,

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, dan Salam
Sejahtera

Yang Berbahagia Profesor Dr. Zulkiflie Ibrahim

Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi), UTeM

Yang Berbahagia Profesor Dr. Lim Swee Tin

Penulis buku Kumpulan Puisi Merentas Gempita: Pandemik
2020,

Yang Berusaha Encik Mohd Isa Mohd Dom

Ketua Pegawai Maklumat, UTeM

Yang Berusaha Ts Dr. Siti Nurul Mahfuzah Mohamad

Pengarah Penerbit Universiti, UTeM

Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian.

1. Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah kurnia dan izin-Nya, dapat kita berkumpul dan bertemu pada pagi ini bersempena dengan Majlis Pelancaran Buku Kumpulan Puisi Merentas Gempita: Pandemik 2020, yang merupakan hasil karya Profesor Dr. Lim Swee Tin.

2. Bagi pihak UTeM, saya amat berbesar hati dan mengalu-alukan kehadiran Sasterawan Negara Prof. Dr. Lim ke Kampus Induk, Universiti Teknikal Malaysia Melaka, khususnya ke Perpustakaan Laman Hikmah, UTeM.

3. Adat orang Melaka, tidak lengkap jika tidak berpantun:

Mari Tuan pergi ke pekan,
Janji bertemu, di tepi jambatan
Kehadiran Tuan kami nantikan,
Berkongsi ilmu, mengerat ikatan.

Hadirin dan hadirat sekalian,

4. Sepertimana yang kita semua ketahui, pada penghujung tahun 2019, dunia telah dikejutkan dengan wabak yang mula dikesan di daerah Wuhan, China, iaitu Novel Coronavirus atau COVID-19.

5. COVID-19 telah merebak dengan begitu pantas ke seluruh dunia, termasuklah negara kita Malaysia. Penularan pandemik ini telah memberi banyak kesan khususnya dalam aspek ekonomi, sosial, dan tidak terkecuali sistem pendidikan di negara yang terjejas.
6. Bagi membendung penularan wabak ini, Kerajaan telah memerangi habis-habisan menerusi pelbagai inisiatif dan usaha seperti Perintah Kawalan Pergerakan secara berfasa.

7. Alhamdulillah dengan segala usaha tanpa jemu pihak kerajaan, barisan hadapan dan kerjasama dari seluruh rakyat, kita telah berjaya mengawal penularan virus COVID-19 di negara ini.

Hadirin dan hadirat sekalian,

8. Saya percaya, disebalik musibah pandemik ini, terdapatnya sejumlah hikmah yang boleh disyukuri. Keadaan yang getir ini telah membuka peluang bagi orang ramai untuk melakukan amal kebaikan tanpa mengira latar belakang, mengukuhkan lagi kesepakatan disamping dapat mengembalikan kesejahteraan ekosistem persekitaran kita.

9. Mengambil kira kebaikan ini, saya amat yakin, ianya sedikit sebanyak turut mencetuskan ilham kepada sasterawan terkenal yang juga merupakan pemenang Southeast Asia Write Award 2000 iaitu Profesor Dr. Lim Swee Tin untuk menukilkkan 57 buah puisi berkisar COVID-19.

10. Menerusi pengalaman dan kepakaran meluas Prof. Lim dalam melakar pelbagai karya asli, momen-momen yang terakam sejak mulanya penularan COVID-19 telah diterjemahkan menjadi puisi-puisi indah yang sarat makna. Setiap bait puisi yang diungkapkan tidak jemu untuk dihayati dan memberikan sejuta maksud yang tersirat dan tersurat kepada pembaca.

Hadirin dan Hadirat sekalian,

11. Penerbitan karya kreatif di UTeM merupakan salah satu inisiatif kami dalam memasyarakatkan universiti serta menyemarakkan bidang penulisan dan penerbitan buku di Negara dan Universiti ini.

12. UTeM amat bertuah kerana Profesor Dr. Lim sudi menerbitkan himpunan puisi yang dihasilkan bersama-Penerbit UTeM. Ini merupakan satu pengiktirafan besar kepada kami kerana dapat bersama-sama menerbitkan hasil karya pemuisi tersohor negara.
13. Lebih menarik lagi, penghasilan buku ini telah berjaya dinobatkan sebagai “The Longest Pandemic Covid 19 Poem” oleh The Malaysia Book of Record.

14. Tahniah diucapkan kepada penulis dan Penerbit Universiti dengan usaha dan kerja keras untuk menghasilkan buku yang sangat menarik ini.
15. Sebelum mengakhiri ucapan, saya mengharapkan agar hasil nukilan puisi Merentas Gempita: Pandemik 2020 ini akan menjadi salah sebuah buku yang bermanfaat dan boleh dijadikan sumber rujukan pada masa akan datang.

16. Akhir kata, dengan lafaz bismillaihi rahmanirahim, saya dengan ini melancarkan buku kumpulan puisi Merentas Gempita: Pandemik 2020. Sekian, terima kasih.